

06 SEP 2003

AGONG HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA PRESIDEN BRAZIL

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Brazil, Luiz Inacio Lula da Silva, sempena Hari Kebangsaan negara itu.

Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid bersama-sama Seri Paduka juga mengucapkan selamat maju jaya kepada rakyat negara itu dan berharap mereka akan terus diberkati dengan kesihatan yang baik, keamanan, kemajuan dan kemakmuran.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menghantar perutusan serupa kepada da Silva.

"Hubungan antara kedua-dua negara kekal mesra dan erat. Saya percaya lawatan saya ke negara anda pada awal tahun ini telah dapat mengukuhkan lagi hubungan setiakawan dan kerjasama antara rakyat Malaysia dan Brazil serta merapatkan lagi hubungan dua hala kedua-dua negara," katanya.

Dr Mahathir juga melahirkan keyakinan beliau bahawa di bawah kepimpinan da Silva, hubungan erat yang sedia terjalin akan dapat dipertingkatkan lagi demi manfaat kedua-dua negara.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar turut mengucapkan tahniah kepada rakan sejawatannya Celso Amorim.

-- BERNAMA  
MUN MUN RHM